

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN  
(IPOH BARAT)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memansuhkan atau mengurangkan jumlah pengambilan peserta bagi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk mengurangkan defisit bajet.**

## **JAWAPAN:**

**Setakat ini, kerajaan belum bercadang untuk memansuhkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Program yang telah mula dilaksanakan semenjak 2004 dilihat telah banyak memberikan impak positif dalam pembentukan jati diri terutama dalam memupuk semangat patriotisme, perpaduan dan meningkatkan semangat kesukarelaan di kalangan remaja yang mengikuti PLKN. Pengambilan pelatih PLKN akan diteruskan seperti biasa dan bilangannya cuma 20% sahaja dari remaja yang berada pada umur 17 tahun iaitu pada setiap tahun iaitu pada kadar purata 500,000 remaja setahun. Program PLKN adalah perlu untuk kelangsungan pembangunan negara, bangsa dan jentera sosial.**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN  
[ IPOH BARAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebab yang mengakibatkan kelemahan yang dialami oleh Majlis Lembaga Peperiksaan sehingga mengakibatkan kebocoran kertas peperiksaan UPSR pada tahun lepas.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. KPM telah mengambil langkah drastik melalui penubuhan Jawatankuasa Bebas Mengkaji Pengurusan Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan dengan kuasa YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia pada 12 September 2014 dan dipengerusikan oleh YABhg Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi, Mantan Ketua Hakim Negara telah mencadangkan lima belas (15) syor penambahbaikan proses kerja pengurusan peperiksaan awam.

KPM memperakukan syor-sor tersebut dan dilaksanakan dalam tempoh jangka masa pendek (JP) untuk dilaksanakan serta merta atau dalam tempoh enam (6) bulan, jangka masa sederhana (JS) untuk dilaksanakan dalam tempoh 6-12 bulan dan jangka masa panjang (JG) untuk dilaksanakan dalam tempoh 1-3 tahun.